

PRU-13: Najib terus turun padang berkempen

Utusan Online

20 April, 2013

PEKAN 20 April - Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Najib Tun Razak yang mempertahankan Parlimen Pekan terus turun padang melawat tiga Pusat Daerah Mengundi (PDM) selepas selesai proses penamaan pagi tadi.

Terdahulu, Najib turut mengadakan jamuan tengah hari bersama dengan semua calon BN bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam Parlimen Pekan dan penyokong di kediamannya dekat sini.

Sejurus selesai jamuan makan, beliau kemudian ke PDM Tanjung Medang yang merupakan PDM pertama yang dilawatinya kira-kira pukul 3.25 petang bagi melihat sendiri persiapan jentera pilihan raya di kawasan tersebut.

Beliau mengambil masa kira-kira 15 minit untuk beramah mesra dengan jentera sebelum bergegas ke PDM Peramu Jaya dan PDM Jaya Gading.

Najib ketika berucap selepas melawat PDM Tanjung Medang meminta semua jentera pilihan raya Parlimen Pekan bekerja keras bagi memastikan BN memperoleh majoriti yang lebih besar dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) ini. - UTUSAN ONLINE

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130420/px_156/PRU-13-Najib-terus-turun-padang-berkempen#ixzz2ZuVXmefW

© Utusan Melayu (M) Bhd